



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 1/1988**

**Prosedur Bagi mendapatkan Pengesahan Dan Pengecualian
Bayaran Ukur Bagi Rumah-rumah Kos Rendah Di Bawah
Rancangan Perumahan Kos Rendah Khas (Disemak 2007)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 1/1988

Prosedur Bagi mendapatkan Pengesahan Dan Pengecualian Bayaran Ukur Bagi Rumah-rumah Kos Rendah Di Bawah Rancangan Perumahan Kos Rendah Khas (Disemak 2007)

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai prosedur urusan mendapatkan pengesahan dan seterusnya mendapatkan pengecualian bayaran ukur bagi projek-projek rumah kos rendah yang dilaksanakan oleh pihak swasta sama ada di atas tanah Kerajaan atau tanah persendirian di bawah Rancangan Perumahan Kos Rendah Khas.

2. Untuk membolehkan bayaran ukur ini dikecualikan, pindaan terhadap Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965 telah pun dibuat. Majlis Tanah Negara di dalam mesyuaratnya pada 16hb. Disember, 1986 telahpun bersetuju supaya Perenggan 4 Perintah tersebut di atas dipinda. Berikutan dengan keputusan ini pindaan terhadap Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965 telah dibuat mengikut seksyen 10 Kanun Tanah Negara 1965. Pindaan ini dikenali sebagai Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) (Pindaan) 1987 yang berkuat kuasa mulai 1hb. Januari 1986. Perintah ini diwartakan sebagai P.U. (A) 61 bertarikh 12hb. Februari 1987. Pindaan yang telah dibuat adalah dengan menambah perenggan kecil 4(2B) selepas perenggan kecil 4(2A) seperti berikut:

“(2B) The State Commissioner may remit in full any fees due under this Order in respect of any housing project undertaken by any person other than the Governments and authorities mentioned in subparagraphs (2) and (2A) and designated by the Secretary General of the Ministry of Land and Regional Development after consultation with the Secretary General of Ministry of Housing and Local Government as a special low-cost housing project.”

3. Prosedur urusan untuk mendapatkan pengesahan sesuatu projek itu sebagai Rancangan Perumahan Kos Rendah Khas dan mendapatkan pengecualian bayaran ukur daripada Pengarah Tanah dan Galian Negeri adalah dijelaskan seperti berikut:

- 3.1. Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri akan mengemukakan nama-nama projek yang telah diluluskan (sama ada permohonan di atas tanah Kerajaan atau tanah persendirian) oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dirancang untuk tujuan Projek Perumahan Kos Rendah Khas (RPKRK) kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Asas-asas pertimbangan bagi menjayakan projek-projek tersebut diiktiraf sebagai projek rumah kos rendah khas perlu disertakan bersama iaitu dari segi harga, dan bilangan unit serta jumlah bayaran ukur yang terlibat.
- 3.2. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan akan merujuk senarai projek-projek ini kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk disahkan sebagai Rancangan Perumahan Kos Rendah sebagaimana yang dikehendaki mengikut peraturan yang dinyatakan di dalam pindaan yang dibuat di atas.
- 3.3. Setelah projek itu disahkan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan akan memaklumkan keputusan ini kepada Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Jemaah Menteri.

- 3.4 Pengarah Tanah dan Galian Negeri akan memberikan pengecualian bayaran ukur terhadap pemaju-pemaju yang telah disahkan projek mereka mengikut kuasa yang diberikan di bawah Perenggan 2B Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) (Pindaan) 1987. Pengecualian bayaran ukur ini tidak termasuk rumah Rancangan Perumahan Kos Rendah Khas jenis rumah pangsa. Keputusan ini hendaklah dipanjangkan kepada Pentadbir Tanah di mana projek perumahan yang berkenaan akan dilaksanakan. Setiap pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri hendaklah mengadakan suatu rekod yang menunjukkan projek-projek yang telah diberikan pengecualian bayaran ukur.

Format buku rekod yang dicadangkan adalah seperti yang ditunjukkan di **Lampiran 'A'**.

- 3.5 Pentadbir Tanah yang berkaitan hendaklah mencatatkan di atas Borang 5A bahawa bayaran ukur dikecualikan semasa membuat tuntutan bayaran-bayaran kepada pemaju yang telah diluluskan permohonan tanah atau memajukan tanah bermilik mereka dan semasa menghantar Permohonan Ukur (PU).

4. Ringkasan prosedur bagi urusan mendapatkan pengesahan dan pengecualian bayaran ukur ini adalah ditunjukkan di dalam carta kerja di **Lampiran 'B'**.

5. Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir-pentadbir Tanah dinasihatkan mengambil perhatian terhadap prosedur yang dinyatakan seperti di perenggan 3 di atas.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

**REKOD PROJEK-PROJEK PERUMAHAN YANG MENDAPAT PENGECCUALIAN
BAYARAN UKUR DALAM RANCANGAN PERUMAHAN KOS RENDAH**


Bil.	Nama Pemaju dan Projek	Kedudukan Tanah	Bilangan Unit Rumah	Tarikh Kelulusan MMK	Tarikh Pengesahan RPKRK	No. Pendaftaran Bhg. Perumahan Pej. SUK	No. Kod KPKT	Bayaran Ukur Dikecualikan
JUMLAH								

Nota:

MMK : Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
 RPKRK : Rancangan Perumahan Kos Rendah Khas

PEJ. SUK : Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
 KPKT : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

CARTA KERJA BAGI MENDAPATKAN PENGESAHAN DAN PENGECCUALIAN BAYARAN UKUR UNTUK RANCANGAN PERUMAHAN KOS RENDAH KHAS



RPKRR : Rancangan Perumahan Kos Rendah Khas